



MALAYSIAN JOURNAL OF ISLAMIC DEVELOPMENT

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/myjid>

How to cite this article:

Romli, A.H & Cusairi, R.M. (2026). Merapatkan jurang antara undang-undang dan keadilan: Analisis keberkesanan remedi undang-undang terhadap wanita Islam dalam kes pemungkiran janji pertunangan menurut perspektif maqasid al-shariah di bawah sistem dwi-kehakiman Malaysia. *Malaysian Journal of Islamic Development*, 1(1), 135-156. <https://doi.org/10.32890/myjid2026.1.1.10>

MERAPATKAN JURANG ANTARA UNDANG-UNDANG DAN KEADILAN: ANALISIS KEBERKESANAN REMEDI UNDANG-UNDANG TERHADAP WANITA ISLAM DALAM KES PEMUNGKIRAN JANJI PERTUNANGAN MENURUT PERSPEKTIF MAQASID AL-SHARIAH DI BAWAH SISTEM DWI-KEHAKIMAN MALAYSIA

¹Ainun Husna Romli & Rafidah Mohamad Cusairi

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

Universiti Utara Malaysia, Malaysia

¹*Corresponding author: ainun_husna_romli@ahsgs.uum.edu.my*

Received: 31/5/2026

Revised: 5/7/2026 Accepted: 16/7/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji keberkesanan remedi undang-undang yang tersedia kepada wanita Islam dalam kes Pemungkiran Janji Pertunangan di bawah sistem dwi-kehakiman Malaysia. Walaupun Isu Pemungkiran Janji Pertunangan telah dibincangkan daripada perspektif undang-undang keluarga Islam dan undang-undang sivil, kajian yang menilai secara perbandingan keberkesanan remedi undang-undang sedia ada melalui kerangka analisis *Maqasid al-Shariah* dan prinsip keadilan substantif masih terhad. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis skop dan bentuk remedi undang-undang yang diperuntukkan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, serta menilai keberkesanannya dalam melindungi hak, maruah dan kepentingan sah wanita Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis doktrinal, analisis sosio-perundangan berasaskan kes, dan analisis normatif Islam melalui penelitian terhadap peruntukan undang-undang berkaitan, prinsip fiqh mengenai pertunangan dan hibah bersyarat, serta keputusan-keputusan kehakiman yang dipilih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun remedi undang-undang diiktiraf dalam kedua-dua sistem perundangan, pelaksanaannya masih memperlihatkan jurang yang ketara antara pengiktirafan undang-undang secara formal dengan perlindungan substantif terhadap kemudaratan sebenar yang dialami oleh wanita. Akibatnya, kerangka perundangan sedia ada masih belum memberikan

perlindungan yang mencukupi terhadap kerugian kewangan, kemudaran emosi dan pemeliharaan maruah wanita, sekali gus belum memenuhi objektif yang lebih menyeluruh sebagaimana digariskan dalam *Maqasid al-Shariah*. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana undang-undang keluarga Islam dengan mengangkat *Maqasid al-Shariah* sebagai kerangka penilaian terhadap keberkesanan remedi undang-undang dalam sistem dwi-kehakiman Malaysia, di samping menyediakan asas normatif bagi memperkukuh keadilan substantif dan perlindungan undang-undang terhadap wanita Islam dalam kes pemungkiran janji pertunangan.

Kata Kunci: Pemungkiran janji pertunangan, wanita Islam, remedi undang-undang, sistem dwi-kehakiman, *maqasid al-shariah*, keadilan substantif.

ABSTRACT

This article examines the effectiveness of legal remedies available to Muslim women in cases of breach of engagement under Malaysia's dual legal system. Although breach of engagement has been discussed from the perspectives of Islamic family law and civil law, limited scholarship has comparatively evaluated the effectiveness of existing legal remedies through the analytical framework of maqasid al-shariah and the principle of substantive justice. This study therefore aims to analyse the scope and nature of legal remedies available before the Syariah Courts and Civil Courts, and to evaluate their effectiveness in protecting the rights, dignity, and legitimate interests of Muslim women. Employing a qualitative research design, the study adopts doctrinal legal analysis, socio-legal case analysis, and Islamic normative analysis by examining relevant statutory provisions, classical and contemporary fiqh principles on engagement and conditional gifts, as well as selected judicial decisions. The findings demonstrate that although legal remedies are formally recognised within both legal systems, their practical application reflects a form of legal minimalism in which formal legal recognition is not matched by substantive protection against the actual harms suffered by affected women. Consequently, the existing legal framework remains insufficiently responsive to financial loss, emotional harm, and the protection of women's dignity, thereby falling short of the broader objectives of maqasid al-shariah. This study contributes to the advancement of Islamic family law scholarship by positioning maqasid al-shariah as an evaluative framework for assessing legal remedies within Malaysia's dual legal system, while providing a normative basis for strengthening substantive justice and legal protection for Muslim women in breach of engagement disputes.

Keywords: Breach of engagement, Muslim women, legal remedies, dual legal system, *maqasid al-shariah*, substantive justice.

PENGENALAN

Pemungkiran Janji Pertunangan bukan lagi sekadar isu peribadi, tetapi semakin menjadi fenomena sosio-perundangan yang mempunyai implikasi ekonomi dan gender yang nyata dalam masyarakat Islam di Malaysia. Perubahan struktur sosial, peningkatan kos perkahwinan serta pemodenan amalan perkahwinan menyebabkan komitmen kewangan sebelum perkahwinan menjadi semakin besar berbanding dekad terdahulu (Nga, 2021; Albattat, Joseph, & Mazlan, 2022). Pada masa yang sama, perubahan sikap generasi muda terhadap institusi perkahwinan turut mempengaruhi corak hubungan dan jangkaan terhadap pertunangan (Yan et al., 2024).

Jadual 1

Statistik Kes Tuntutan Ganti Rugi Akibat Pemungkiran Janji Pertunangan di Mahkamah Syariah Malaysia (2019–2024).

Negeri	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Johor	0	0	1	1	1	3
Kedah	2	3	0	0	1	2
Kelantan	1	1	0	1	0	1
Melaka	0	1	1	1	0	0
Negeri Sembilan	2	5	0	0	1	3
Pahang	0	0	0	0	1	0
Perlis	0	0	0	0	0	0
Pulau Pinang	2	0	0	3	0	1
Sabah	1	3	0	1	0	0
Selangor	6	4	1	3	4	8
Terengganu	0	1	1	0	0	1
Wilayah Persekutuan	2	1	0	2	0	0
Perak	0	7	0	0	0	0
Sarawak	0	0	0	0	0	0
Jumlah Kes	16	26	4	12	8	19

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 85 kes tuntutan ganti rugi akibat Pemungkiran Janji Pertunangan telah direkodkan di Mahkamah Syariah Malaysia sepanjang tempoh 2019 hingga 2024. Walaupun jumlah tersebut kelihatan sederhana berbanding kategori kes kekeluargaan Islam yang lain, kewujudan tuntutan secara konsisten hampir setiap tahun menunjukkan bahawa Pemungkiran Janji Pertunangan bukan sekadar konflik peribadi, malah merupakan pertikaian yang mempunyai implikasi perundangan. Selangor merekodkan jumlah kes tertinggi sepanjang tempoh kajian, diikuti oleh Perak, Negeri Sembilan dan Kedah, sekali gus menunjukkan bahawa isu ini berlaku merentasi beberapa negeri dan tidak terhad kepada kawasan tertentu sahaja.

Jadual 2

Statistik Perkahwinan dan Perceraian Orang Islam di Malaysia Mengikut Negeri, 2024

Negeri	Perkahwinan	Perceraian
Johor	16,713	5,652
Kedah	11,307	4,198
Kelantan	16,202	3,170
Melaka	4,688	1,720
Negeri Sembilan	5,657	2,289
Pahang	7,234	3,188
Perak	9,685	2,934
Perlis	496	346

(bersambung)

Negeri	Perkahwinan	Perceraian
Pulau Pinang	4,960	1,694
Sabah	10,430	3,522
Sarawak	6,916	2,289
Selangor	26,713	10,105
Terengganu	7,632	2,920
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2,087	571
Wilayah Persekutuan Labuan	430	181
Wilayah Persekutuan Putrajaya	69	17

Sumber: *Department of Statistics Malaysia (2025), Marriage, Divorce and Rujuk Statistics, Malaysia 2025.*

Jadual 2 menunjukkan bahawa institusi kekeluargaan Islam di Malaysia terus merekodkan jumlah perkahwinan dan perceraian yang tinggi. Pada tahun 2024, Selangor merekodkan jumlah perkahwinan tertinggi (26,713 kes) di samping mencatat jumlah perceraian tertinggi (10,105 kes), diikuti Johor dan Kelantan. Walaupun statistik ini tidak berkaitan secara langsung dengan Pemungkiran Janji Pertunangan, trend tersebut menggambarkan bahawa institusi keluarga Islam semakin berhadapan dengan pelbagai cabaran hubungan kekeluargaan. Dalam konteks ini, Pemungkiran Janji Pertunangan boleh dianggap sebagai sebahagian daripada spektrum konflik pra-perkahwinan yang memerlukan perhatian daripada perspektif perundangan, perlindungan hak dan keadilan substantif.

Walaupun bagaimanapun, statistik tersebut tidak semestinya menggambarkan keseluruhan insiden Pemungkiran Janji Pertunangan yang berlaku dalam masyarakat. Bilangan kes yang direkodkan berkemungkinan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kurangnya kesedaran mengenai hak untuk menuntut remedi, kesukaran pembuktian, kecenderungan menyelesaikan pertikaian melalui rundingan atau sulh, serta keengganan pihak yang terlibat membawa pertikaian ke mahkamah atas faktor reputasi dan sensitiviti keluarga. Oleh itu, statistik ini perlu ditafsirkan sebagai petunjuk bahawa isu Pemungkiran Janji Pertunangan benar-benar wujud dalam sistem perundangan Malaysia, namun berkemungkinan masih belum mencerminkan skala sebenar fenomena tersebut.

Dari konteks budaya Melayu-Islam, pertunangan lazimnya melibatkan pemberian cincin, wang hantaran, hadiah iringan, kos majlis pertunangan serta pelbagai persiapan awal perkahwinan seperti tempahan katering, pelamin dan pakaian pengantin. Amalan ini mencerminkan komitmen sosial dan kewangan yang signifikan antara kedua-dua pihak sebelum akad nikah dilangsungkan (Halili & Riza, 2016). Seiring dengan peningkatan kos sara hidup dan kos penganjuran majlis perkahwinan, nilai komitmen kewangan tersebut boleh mencecah ribuan ringgit sebelum perkahwinan berlangsung (Albattat et al., 2022). Justeru, pembatalan pertunangan secara sepihak bukan sahaja mengakibatkan kerugian material yang signifikan, bahkan turut memberi implikasi terhadap kesejahteraan psikologi, maruah serta reputasi wanita yang terlibat. Keadaan ini selaras dengan penemuan bahawa kegagalan hubungan romantik dan pelanggaran komitmen dalam hubungan intim boleh memberi kesan terhadap kesejahteraan emosi, harga diri serta kestabilan hubungan sosial (Peetz & Kammrath, 2011; Rokach & Chan, 2023). Dari perspektif undang-undang Islam pula, perlindungan terhadap maruah (*hifz al-'ird*) dan hak wanita merupakan antara objektif penting yang perlu dipelihara dalam pelaksanaan keadilan (Mohd, Kadir, & Ibrahim, 2024).

Selain implikasi ekonomi dan sosial, Pemungkiran Janji Pertunangan turut berpotensi membawa kepada implikasi keselamatan apabila konflik antara pihak-pihak yang terlibat gagal diselesaikan secara baik. Sebagai contoh, Harian Metro (2019) melaporkan satu kes seorang lelaki yang mencederakan bekas

tunangnya selepas hubungan pertunangan diputuskan, gangguan dan ugutan berterusan terhadap seorang wanita oleh bekas tunangnya sehingga memerlukan campur tangan pihak berkuasa. Walaupun laporan media tidak boleh dianggap sebagai bukti empirikal, insiden-insiden tersebut menunjukkan bahawa Pemungkiran Janji Pertunangan berpotensi mencetuskan implikasi terhadap keselamatan, kesejahteraan dan maruah individu, sekali gus memperlihatkan keperluan kepada mekanisme remedi undang-undang yang lebih berkesan.

Malaysia mengamalkan sistem dwi-kehakiman yang meletakkan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil sebagai dua institusi yang mempunyai bidang kuasa berbeza dalam mengendalikan pertikaian berkaitan kekeluargaan dan hak sivil. Dalam konteks Pemungkiran Janji Pertunangan, keadaan ini mewujudkan persoalan mengenai skop remedi, bidang kuasa dan tahap perlindungan yang diberikan kepada wanita Islam (Shak & Ab Aziz, 2022; Tajuddin & Gunardi, 2024; Mohd et al., 2024). Adakah dualisme ini menghasilkan perlindungan yang komplementari, atau sebaliknya mewujudkan fragmentasi dan ketidaksamaan akses kepada keadilan?

Kajian terdahulu banyak menumpukan kepada kedudukan hukum pertunangan, bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil serta bentuk remedi yang diperuntukkan di bawah kedua-dua sistem perundangan (Abdullah, 2022; Tajuddin & Gunardi, 2024). Kajian yang lebih mutakhir turut meneliti isu pengharmonian antara undang-undang Syariah dan undang-undang sivil dalam pemberian ganti rugi akibat penghinaan dan kemudharatan yang dialami oleh pihak yang dimungkiri (Mohd et al., 2024).

Pada peringkat antarabangsa, pendekatan terhadap pemungkiran janji untuk berkahwin (*breach of promise to marry*) telah mengalami perkembangan yang ketara mengikut tradisi perundangan setiap negara. Dalam sistem Common Law seperti England, tindakan sivil berasaskan janji untuk berkahwin telah dimansuhkan melalui *Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1970*, berasaskan prinsip autonomi individu dan penolakan litigasi yang memaksa pelaksanaan janji perkahwinan (Lettmaier, 2010; Gan, 2014). Sebaliknya, dalam beberapa negara yang mengamalkan sistem undang-undang sivil atau berteraskan Syariah, pampasan terhadap kerugian sebenar atau kemudharatan moral akibat pemungkiran janji masih diiktiraf dalam keadaan tertentu sebagai mekanisme melindungi kepentingan pihak yang teraniaya (Halili & Riza, 2016; Abdullah, 2022). Perbezaan pendekatan ini memperlihatkan bahawa keseimbangan antara kebebasan individu untuk tidak meneruskan perkahwinan dengan keperluan memberikan perlindungan kepada pihak yang mengalami kerugian masih menjadi perbincangan dalam pelbagai sistem perundangan. Dalam konteks Malaysia yang mengamalkan sistem dwi-kehakiman, persoalan tersebut menjadi lebih signifikan kerana penilaian terhadap keberkesanan remedi bukan sahaja melibatkan aspek perundangan, tetapi juga perlu mengambil kira prinsip maqasid al-shariah dan keadilan substantif sebagai asas perlindungan hak serta maruah wanita Islam.

Sehubungan itu, kajian-kajian terdahulu telah memperkayakan perbincangan mengenai Pemungkiran Janji Pertunangan di Malaysia daripada perspektif fiqh, hak wanita dan perbandingan antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil, penelitian terhadap literatur menunjukkan bahawa beberapa jurang penting masih belum diberikan perhatian secara menyeluruh. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada penghuraian prinsip hukum, peruntukan undang-undang atau bidang kuasa mahkamah, tanpa menilai sama ada remedi yang diperuntukkan benar-benar mampu memberikan perlindungan yang berkesan terhadap kerugian, maruah dan kepentingan wanita Islam. Selain itu, pendekatan yang mengintegrasikan analisis perbandingan sistem dwi-kehakiman dengan kerangka penilaian berasaskan maqasid al-shariah dan keadilan substantif masih amat terhad dalam literatur semasa. Justeru, artikel ini mengisi kelompangan tersebut dengan mengemukakan suatu kerangka penilaian yang

menggabungkan analisis fiqh, perbandingan institusi kehakiman dan prinsip maqasid al-shariah bagi menilai sama ada remedi yang diperuntukkan benar-benar mencapai objektif keadilan substantif serta memberikan perlindungan yang bermakna kepada wanita Islam dalam kes Pemungkiran Janji Pertunangan.

Artikel ini disusun kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan literatur dan jurang kajian. Bahagian kedua menghuraikan metodologi. Bahagian ketiga menganalisis dapatan kajian, manakala bahagian akhir membincangkan implikasi dan kesimpulan.

TINJAUAN LITERATUR

Pertunangan (*khitbah*) merupakan institusi pra-perkahwinan yang diiktiraf dalam hukum Islam sebagai suatu janji untuk berkahwin, namun tidak mewujudkan hubungan kontraktual yang mengikat seperti akad nikah. Literatur fiqh klasik dan kajian kontemporari secara konsisten menjelaskan bahawa *khitbah* hanya berfungsi sebagai persediaan ke arah pembentukan akad perkahwinan tanpa mewujudkan hak dan obligasi undang-undang sebagaimana yang lahir daripada akad nikah (al-Kāsānī, 1986; al-Nawawī, 1991; Ibn Qudāmah, 1997; al-Zuhaylī, 2002; Sitiris et al., 2020; Tajuddin & Gunardi, 2024). Walaupun terdapat perbezaan pandangan antara mazhab berhubung pemulangan hadiah pertunangan apabila pertunangan dibatalkan, kebanyakan perbincangan terdahulu lebih menumpukan kepada penentuan hukum dan implikasi terhadap harta atau hadiah pertunangan berbanding penilaian terhadap keberkesanan remedi bagi melindungi pihak yang mengalami kerugian akibat Pemungkiran Janji Pertunangan (Abdullah, 2022; Mohd et al., 2024).

Walaupun fiqh klasik memberikan asas hukum mengenai pertunangan, perbincangan tersebut lazimnya tidak menilai isu Pemungkiran Janji Pertunangan daripada perspektif objektif syariah (*maqasid al-shariah*). Menurut al-Shatibi (1997), maqasid al-shariah bertujuan memelihara lima kepentingan asas (*al-daruriyyat al-khams*), iaitu agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*). Perkembangan sarjana kontemporari turut memperluaskan aplikasi maqasid kepada aspek pemeliharaan maruah (*hifz al-'ird*), keadilan dan kesejahteraan sosial dalam menangani isu-isu undang-undang keluarga Islam yang bersifat dinamik (Auda, 2008; Kamali, 2008; Mohd et al., 2024). Dalam konteks Pemungkiran Janji Pertunangan, kerangka ini membolehkan penilaian dibuat bukan sahaja terhadap kehilangan harta atau hadiah pertunangan, tetapi juga terhadap implikasi yang lebih luas seperti kemudaratannya psikososial, reputasi dan maruah pihak yang teraniaya. Namun demikian, penelitian terhadap literatur menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan *maqasid al-shariah* masih jarang diaplikasikan secara khusus bagi menilai keberkesanan remedi undang-undang dalam kes Pemungkiran Janji Pertunangan di Malaysia (Abdullah, 2022; Tajuddin & Gunardi, 2024; Mohd et al., 2024).

Perkembangan literatur kontemporari memperlihatkan peningkatan perhatian terhadap aspek remedi undang-undang dalam kes Pemungkiran Janji Pertunangan, khususnya dalam konteks sistem dwi-kehakiman Malaysia. Kajian oleh Abdullah (2022) menghuraikan bahawa remedi yang tersedia pada masa kini masih berorientasikan pemulangan hadiah pertunangan dan pampasan terhadap kerugian kewangan yang dapat dibuktikan, tanpa memberikan penekanan yang mencukupi terhadap kerugian bukan material seperti penghinaan, tekanan emosi dan kehilangan maruah. Selari dengan itu, Mohd, Kadir dan Ibrahim (2024) berhujah bahawa pendekatan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil masih memperlihatkan ketidakseragaman dalam menentukan skop pampasan, sekali gus menimbulkan keperluan kepada suatu pendekatan yang lebih harmonis berasaskan prinsip Syariah dan undang-

undang sivil. Sementara itu, Tajuddin dan Gunardi (2024) menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua sistem perundangan mengiktiraf tuntutan tertentu akibat Pemungkiran Janji Pertunangan, pelaksanaannya masih dipengaruhi oleh perbezaan asas perundangan, bidang kuasa dan bentuk remedi yang diperuntukkan. Keseluruhannya, literatur semasa menunjukkan bahawa perbincangan mengenai remedi masih tertumpu kepada penghuraian kedudukan undang-undang dan mekanisme tuntutan, manakala penilaian terhadap keberkesanan remedi dari perspektif maqasid al-shariah dan keadilan substantif masih belum diberikan perhatian yang mencukupi.

Dalam konteks Malaysia, perbincangan mengenai Pemungkiran Janji Pertunangan Tidak dapat dipisahkan daripada struktur sistem dwi-kehakiman yang meletakkan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil sebagai dua institusi yang beroperasi dalam kerangka bidang kuasa yang berbeza. Literatur terdahulu menjelaskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa terhadap perkara kekeluargaan Islam berdasarkan peruntukan undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, manakala Mahkamah Sivil menilai tuntutan berkaitan berdasarkan prinsip umum undang-undang kontrak dan tort, tertakluk kepada had bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan (Gan, 2014; Shak & Ab Aziz, 2022; Tajuddin & Gunardi, 2024). Walaupun pembahagian bidang kuasa ini bertujuan memelihara autonomi kedua-dua sistem kehakiman, beberapa sarjana berpandangan bahawa dualisme tersebut turut menimbulkan cabaran dari sudut keseragaman prinsip, skop remedi dan tahap perlindungan yang diterima oleh pihak yang teraniaya, khususnya dalam kes Pemungkiran Janji Pertunangan yang berada di persimpangan undang-undang keluarga Islam dan prinsip kontrak sivil (Halili & Riza, 2016; Mohd et al., 2024). Oleh itu, literatur semasa semakin menekankan keperluan untuk menilai keberkesanan remedi bukan sahaja berdasarkan persoalan bidang kuasa, tetapi juga sejauh mana kedua-dua sistem tersebut mampu memberikan perlindungan undang-undang yang koheren, konsisten dan memenuhi tuntutan keadilan substantif.

Selain aspek bidang kuasa dan bentuk remedi, literatur semasa turut menunjukkan bahawa Pemungkiran Janji Pertunangan mempunyai dimensi gender yang tidak boleh dinilai semata-mata berdasarkan kerugian kewangan. Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, pembatalan pertunangan sering dikaitkan dengan implikasi terhadap maruah, reputasi, kesejahteraan emosi dan kedudukan sosial wanita, khususnya apabila pertunangan melibatkan komitmen kewangan, persediaan perkahwinan serta penglibatan keluarga kedua-dua pihak (Abdullah, 2022; Mohd et al., 2024). Kajian mengenai hak wanita di bawah undang-undang Islam turut menegaskan bahawa perlindungan terhadap maruah dan keadilan merupakan sebahagian daripada objektif Syariah yang perlu diterjemahkan dalam pelaksanaan undang-undang, bukan sekadar diiktiraf sebagai prinsip normatif (*Women's Rights under Islamic Law: Systematic Review of Published Literature in Scopus Database*, 2023). Di samping itu, penyelidikan psikologi dan sosiologi kontemporari menunjukkan bahawa pembatalan hubungan yang menuju ke arah perkahwinan berpotensi mengakibatkan tekanan emosi, stigma sosial serta ketidakstabilan psikososial yang memberi kesan terhadap kesejahteraan individu, walaupun implikasi tersebut sukar diterjemahkan kepada bentuk kerugian kewangan yang boleh dibuktikan di mahkamah (Rokach & Chan, 2023). Keadaan ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap keberkesanan remedi tidak seharusnya terhad kepada pemulangan harta atau pampasan material semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira sejauh mana mekanisme undang-undang mampu melindungi maruah, kesejahteraan dan kepentingan sah pihak yang teraniaya selaras dengan prinsip keadilan substantif.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, dapat diperhatikan bahawa penyelidikan mengenai Pemungkiran Janji Pertunangan di Malaysia telah berkembang daripada perbincangan fiqh tradisional kepada analisis undang-undang keluarga Islam, undang-undang kontrak dan perbandingan antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Walaupun perkembangan ini telah memperkayakan pemahaman terhadap

kedudukan hukum, bidang kuasa dan bentuk remedi yang tersedia, beberapa jurang penyelidikan masih kekal. Pertama, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada penghuraian prinsip hukum atau mekanisme remedi tanpa menilai keberkesanan sebenar remedi tersebut dalam melindungi hak, maruah dan kepentingan pihak yang teraniaya. Kedua, analisis yang mengintegrasikan prinsip *maqasid al-shariah* sebagai kerangka penilaian terhadap keberkesanan remedi masih terhad. Ketiga, hubungan antara sistem dwi-kehakiman, dimensi gender dan konsep keadilan substantif masih belum dianalisis secara menyeluruh dalam satu kerangka yang komprehensif (Abdullah, 2022; Mohd et al., 2024; Tajuddin & Gunardi, 2024). Oleh itu, artikel ini mengisi kelompangan tersebut dengan mengemukakan suatu kerangka analisis yang menggabungkan perspektif fiqh, doktrin undang-undang kontrak, perbandingan institusi kehakiman dan prinsip *maqasid al-shariah* bagi menilai sama ada remedi yang diperuntukkan benar-benar mencapai keadilan substantif serta memberikan perlindungan yang bermakna kepada wanita Islam dalam kes Pemungkiran Janji Pertunangan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif yang menggabungkan analisis doktrinal, analisis sosio-perundangan, pendekatan perbandingan institusi dan analisis normatif berasaskan *maqasid al-shariah*. Pendekatan multidisiplin ini dipilih kerana isu Pemungkiran Janji Pertunangan melibatkan persilangan antara prinsip fiqh, undang-undang keluarga Islam, undang-undang kontrak sivil serta realiti sosial yang mempengaruhi pelaksanaan remedi dalam sistem dwi-kehakiman Malaysia. Oleh itu, penggunaan satu kaedah sahaja adalah tidak memadai untuk menilai keberkesanan remedi secara menyeluruh. Sebaliknya, gabungan beberapa pendekatan membolehkan penelitian dibuat terhadap aspek normatif, doktrinal dan empirikal secara serentak bagi menghasilkan analisis yang lebih komprehensif dan seimbang (Creswell & Poth, 2018; Yin, 2018).

Berdasarkan kerangka tersebut, analisis doktrinal digunakan bagi meneliti sumber perundangan primer yang merangkumi peruntukan statut, enakmen undang-undang keluarga Islam, prinsip-prinsip fiqh berkaitan pertunangan dan hibah bersyarat, serta penghakiman Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil yang berkaitan dengan tuntutan akibat Pemungkiran Janji Pertunangan. Analisis ini bertujuan mengenal pasti asas perundangan, prinsip kehakiman dan bentuk remedi yang diperuntukkan dalam kedua-dua sistem kehakiman. Seterusnya, analisis sosio-perundangan digunakan bagi memahami bagaimana prinsip undang-undang tersebut diaplikasikan dalam amalan melalui penelitian terhadap fail kes serta temu bual separa berstruktur bersama pegawai Mahkamah Syariah yang terlibat secara langsung dalam pengendalian kes-kes berkaitan. Pendekatan ini membolehkan penilaian dibuat bukan sahaja terhadap kewujudan remedi dari sudut perundangan, malah terhadap keberkesanannya dalam menangani implikasi sebenar yang dialami oleh pihak-pihak yang terlibat.

Proses kutipan data dilaksanakan secara sistematik melalui beberapa peringkat. Pada peringkat pertama, pengkaji menjalankan analisis awal terhadap literatur, peruntukan undang-undang dan keputusan kes bagi mengenal pasti jurang penyelidikan serta membentuk persoalan dan objektif kajian. Peringkat ini melibatkan penelitian terhadap Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri, Akta Kontrak 1950, kitab-kitab fiqh muktabar serta kajian-kajian terdahulu berkaitan Pemungkiran Janji Pertunangan.

Peringkat kedua melibatkan pengumpulan data primer melalui analisis dokumen perundangan dan fail kes. Dokumen yang dianalisis merangkumi statut, enakmen, laporan penghakiman Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil berkaitan tuntutan ganti rugi akibat Pemungkiran Janji Pertunangan. Analisis

terhadap fail kes ini bertujuan memahami secara mendalam fakta kes, bentuk tuntutan yang dikemukakan, alasan penghakiman serta bentuk remedi yang diberikan oleh mahkamah.

Peringkat ketiga melibatkan pengumpulan data empirikal melalui temu bual separa berstruktur dengan pegawai Mahkamah Syariah Negeri Kedah dan pegawai Mahkamah Sivil yang terlibat secara langsung dalam pengendalian tuntutan berkaitan Pemungkiran Janji Pertunangan. Informan dipilih secara pensampelan bertujuan berdasarkan pengalaman profesional dan penglibatan mereka dalam pengurusan kes. Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan penjelasan mengenai prosedur pemfailan tuntutan, bentuk remedi yang lazim diberikan, pertimbangan kehakiman dalam menentukan ganti rugi, cabaran pelaksanaan remedi serta isu-isu praktikal yang timbul dalam pengendalian Tuntutan Pemungkiran Janji Pertunangan.


Peringkat keempat melibatkan proses pengorganisasian dan analisis data. Semua data yang diperoleh dianalisis secara tematik melalui proses *open coding*, *axial coding* dan *selective coding* bagi mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan bentuk remedi, rasional penghakiman, cabaran pelaksanaan dan perlindungan terhadap hak wanita Islam. Dapatan daripada analisis dokumen, kes dan temu bual kemudiannya dibandingkan melalui kaedah triangulasi bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah *purposive case selection* kerana kes Pemungkiran Janji Pertunangan yang diputuskan oleh mahkamah di Malaysia adalah terhad dan tidak banyak dilaporkan secara rasmi. Sehubungan itu, pemilihan kes dibuat secara bertujuan berdasarkan empat kriteria utama, iaitu: (i) kes melibatkan secara langsung tuntutan akibat Pemungkiran Janji Pertunangan; (ii) keputusan mahkamah mengandungi penghujahan yang jelas mengenai bentuk remedi atau prinsip undang-undang yang diaplikasikan; (iii) fakta kes adalah lengkap serta boleh diakses melalui laporan penghakiman atau fail mahkamah; dan (iv) kes mewakili kedua-dua sistem kehakiman, iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, bagi membolehkan analisis perbandingan institusi dijalankan. Walaupun bilangan kes yang dianalisis adalah terhad, pemilihannya adalah selaras dengan prinsip penyelidikan kualitatif yang mengutamakan *information-rich cases*, iaitu kes yang mampu memberikan maklumat yang mendalam dan signifikan terhadap fenomena yang dikaji berbanding kuantiti kes semata-mata (Patton, 2015; Creswell & Poth, 2018).

Data dianalisis melalui empat peringkat analisis yang saling melengkapi. Pertama, analisis doktrinal digunakan bagi mengenal pasti prinsip undang-undang yang mengawal Pemungkiran Janji Pertunangan dalam sistem Syariah dan Sivil. Kedua, analisis tematik dijalankan terhadap data temu bual dan fail kes bagi mengenal pasti pola, isu dan cabaran pelaksanaan remedi. Ketiga, analisis perbandingan institusi digunakan untuk membandingkan skop, pendekatan dan keberkesanan remedi antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Akhir sekali, semua dapatan dinilai menggunakan kerangka *maqasid al-shariah*, khususnya prinsip pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), harta (*hifz al-mal*) dan maruah (*hifz al-'ird*), bagi menilai sama ada remedi yang disediakan benar-benar mencapai objektif keadilan substantif serta memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada wanita Islam dalam kes Pemungkiran Janji Pertunangan.

Rajah 1

Kerangka Metodologi Kajian



Sumber: Diadaptasi daripada Creswell dan Poth (2018), Yin (2018) dan Patton (2015), diubah suai oleh pengkaji.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa isu utama dalam Pemungkiran Janji Pertunangan bukanlah ketiadaan remedi, tetapi keterbatasan struktur konseptual yang mentadbir remedi tersebut. Bahagian ini membincangkan dapatan tersebut melalui tiga paksi analisis: pertama, pemetaan terhadap prinsip maqasid al-shariah; kedua, penilaian dari sudut teori keadilan substantif; dan ketiga, kedudukan Malaysia dalam spektrum teori perbandingan undang-undang berkaitan janji untuk perkahwin.

Maqasid al-Shariah: Jurang antara Norma dan Pelaksanaan

Kerangka *maqasid al-shariah* yang dihuraikan oleh al-Shatibi menegaskan bahawa undang-undang Islam bukan sekadar suatu sistem peraturan, bahkan merupakan instrumen untuk merealisasikan *maslahah* dan mencegah *mafsadah*. Dalam konteks pemungkiran janji pertunangan, prinsip pemeliharaan maruah (*hifz al-'ird*) serta larangan melakukan kemudaratan (*la darar wa la dirar*) menjadi asas penting dalam menilai sama ada remedi yang diperuntukkan benar-benar mencapai objektif keadilan Islam. Oleh sebab pertunangan dalam masyarakat Melayu-Islam bukan sekadar hubungan peribadi, tetapi turut membawa implikasi sosial terhadap maruah, reputasi dan kedudukan keluarga, keberkesanan remedi tidak seharusnya dinilai hanya berdasarkan pemulangan kerugian material, sebaliknya perlu mengambil kira sejauh mana ia melindungi kepentingan dan kesejahteraan pihak yang terkesan (Mohd et al., 2024).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah cenderung menghadkan remedi kepada pemulangan manfaat atau kerugian material yang dapat dibuktikan melalui resit, invoice atau dokumen sokongan. Pendekatan ini jelas dapat diperhatikan dalam kes *Mohamad Syawal Jayakumar bin Abdullah v Norzita bt Mat Isa* dan *Mohamad Azla bin Haji Kamaruddin v Mokhtar bin Hashim & Anor*, yang menekankan prinsip restitusi terhadap pemberian atau perbelanjaan yang dibuat semasa pertunangan. Dapatan tersebut turut disokong oleh temu bual bersama pegawai Mahkamah Syariah Negeri Kedah yang menjelaskan bahawa tuntutan ganti rugi lazimnya dinilai berdasarkan kerugian yang boleh dibuktikan secara objektif melalui keterangan dokumentari. Walaupun pendekatan ini selaras dengan prinsip keadilan restitutif dalam fiqh hibah, ia belum sepenuhnya menangani implikasi sosial dan psikososial yang dialami oleh pihak yang teraniaya, khususnya wanita. Pemerhatian ini konsisten dengan Mohd et al. (2024) yang berpendapat bahawa amalan semasa lebih memberi penekanan kepada kerugian ekonomi berbanding perlindungan terhadap maruah dan kemudaratan bukan material.

Sebaliknya, analisis terhadap Mahkamah Sivil menunjukkan bahawa pertimbangan mahkamah lebih tertumpu kepada prinsip kontrak, khususnya pembuktian kewujudan janji, pergantungan munasabah (*reasonable reliance*) serta kerugian yang timbul secara langsung daripada pelanggaran tersebut. Pendekatan ini dapat dilihat dalam kes *Nor Shahida bt Roslin v Najib bin Zulkifli*, yang menunjukkan bahawa tuntutan hanya akan diberikan apabila elemen kontraktual dan kerugian yang boleh diukur berjaya dibuktikan. Pendekatan tersebut mencerminkan tradisi *Common Law* yang mengutamakan autonomi individu dan kebebasan berkontrak. Namun demikian, apabila pertunangan ditafsirkan sebagai janji sosial yang tidak mewujudkan hubungan kontraktual secara automatik, ruang untuk menilai kemudaratan terhadap maruah, reputasi dan kesejahteraan emosi menjadi semakin terhad.

Dapatan ini juga boleh dianalisis melalui perspektif keadilan substantif yang membezakan antara keadilan formal dan keadilan substantif. Keadilan formal tercapai apabila sistem perundangan menyediakan mekanisme untuk mengemukakan tuntutan. Namun, keadilan substantif hanya dapat direalisasikan apabila mekanisme tersebut benar-benar mampu memulihkan kemudaratan yang dialami

oleh pihak yang terjejas. Dalam konteks kajian ini, kedua-dua sistem kehakiman menyediakan saluran remedi, namun skop perlingkungannya masih tertumpu kepada kerugian kewangan yang boleh dibuktikan secara langsung. Kerugian bukan material seperti penghinaan, tekanan psikologi, kehilangan reputasi dan implikasi sosial masih belum diterjemahkan secara jelas dalam bentuk remedi undang-undang. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pengiktirafan formal terhadap hak tidak semestinya membawa kepada perlindungan yang substantif terhadap kepentingan pihak yang teraniaya.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil masih beroperasi dalam paradigma ganti rugi klasik yang menekankan kebolehkukuran dan kebolehbuktian sebagai syarat utama pemberian remedi. Oleh itu, Pemungkiran Janji Pertunangan merupakan suatu fenomena yang turut melibatkan dimensi maruah, hubungan sosial dan kesejahteraan psikologi yang sukar dinilai secara kuantitatif. Namun demikian, isu utama yang dikenal pasti bukanlah percanggahan antara Syariah dan undang-undang sivil, tetapi jurang antara objektif normatif *maqasid al-shariah* dengan pelaksanaan remedi dalam amalan. Justeru, artikel ini berhujah bahawa penilaian keberkesanan remedi tidak seharusnya terhad kepada aspek pemulangan kerugian material semata-mata, sebaliknya perlu dinilai berdasarkan sejauh mana remedi tersebut benar-benar merealisasikan prinsip *maqasid al-shariah* dan keadilan substantif dalam melindungi hak, maruah dan kepentingan wanita Islam.

Kedudukan Malaysia dalam Spektrum *Comparative Legal Theory*

Pendekatan terhadap *breach of promise to marry* menunjukkan perkembangan yang berbeza antara sistem perundangan dari perspektif *Comparative Legal Theory*. Namun dalam tradisi *Common Law*, tindakan tersebut telah dimansuhkan di England melalui *Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1970* atas alasan bahawa janji untuk berkahwin merupakan urusan peribadi yang tidak lagi wajar dijadikan asas litigasi. Perkembangan ini mencerminkan peralihan daripada perlindungan terhadap reputasi dan kepentingan keluarga kepada penegasan prinsip autonomi individu, kebebasan memilih pasangan serta hak untuk menarik diri daripada hubungan pra-perkahwinan tanpa liabiliti undang-undang. Dalam kerangka ini, campur tangan mahkamah dianggap tidak lagi sesuai bagi mengawal hubungan yang bersifat peribadi dan sukarela.

Sebaliknya, beberapa sistem perundangan sivil dan negara majoriti Muslim masih mengekalkan bentuk perlindungan tertentu terhadap pihak yang mengalami kerugian akibat pembatalan pertunangan. Walaupun bentuk dan skop perlindungan tersebut berbeza mengikut bidang kuasa, prinsip asas yang mendasarinya ialah pengiktirafan bahawa pertunangan bukan sekadar hubungan peribadi, tetapi turut menghasilkan jangkaan sosial, komitmen kewangan dan kepentingan yang boleh menimbulkan kerugian sebenar apabila dimungkiri secara tidak bertanggungjawab. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sesetengah sistem perundangan masih melihat keperluan untuk mengimbangi autonomi individu dengan perlindungan terhadap pihak yang menanggung kesan negatif akibat pembatalan pertunangan.

Dalam konteks Malaysia, kedudukan tersebut menjadi lebih kompleks kerana sistem perundangannya beroperasi dalam kerangka dwi-kehakiman yang menggabungkan tradisi *Common Law* dan prinsip Syariah. Secara teorinya, kombinasi ini berpotensi menghasilkan suatu model perlindungan yang lebih seimbang kerana prinsip kontrak dalam Mahkamah Sivil boleh berfungsi bersama nilai keadilan, pencegahan kemudaratan dan pemeliharaan maruah yang ditekankan dalam Syariah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua sistem masih memberi penekanan yang dominan terhadap kerugian material yang boleh dibuktikan, manakala kerugian reputasi, tekanan

psikososial dan implikasi gender belum diterjemahkan secara jelas dalam bentuk remedi yang berkesan. Pemerhatian ini selaras dengan pandangan Mohd et al. (2024) bahawa pengharmonian di antara prinsip Syariah dan undang-undang sivil dalam kes pemungkiran janji pertunangan masih berada pada tahap yang terhad.

Kedadaan ini menimbulkan persoalan yang lebih mendasar daripada sekadar perbezaan bidang kuasa, iaitu sama ada Malaysia secara tidak langsung telah menerima orientasi autonomi individu yang dominan dalam *Common Law* moden tanpa pada masa yang sama membangunkan mekanisme perlindungan alternatif yang selaras dengan objektif *maqasid al-shariah*. Dari sudut ini, isu utama bukanlah kewujudan atau ketiadaan remedi, tetapi sejauh mana remedi tersebut mampu merealisasikan keadilan substantif kepada pihak yang terkesan.

Berdasarkan analisis ini, artikel berhujah bahawa Malaysia boleh difahami sebagai mengamalkan suatu model hibrid yang terhad *restricted hybrid model*. Model ini tidak menghapuskan tindakan Pemungkiran Janji Pertunangan sepenuhnya sebagaimana yang berlaku di England, namun pada masa yang sama tidak memperuntukkan bentuk pampasan yang lebih luas bagi menangani kemudaratan bukan material seperti penghinaan, kehilangan reputasi atau tekanan psikososial. Justeru, keunikan Malaysia bukan terletak pada kewujudan sistem dwi-kehakiman semata-mata, tetapi pada ketegangan yang wujud antara pengiktirafan formal terhadap remedi dan keterbatasan perlindungan substantif yang diberikan. Dalam konteks inilah artikel ini menyumbang kepada wacana *Comparative Legal Theory* dengan mencadangkan bahawa keberkesanan sesuatu remedi tidak seharusnya dinilai berdasarkan kewujudannya semata-mata, tetapi berdasarkan keupayaannya untuk merealisasikan objektif keadilan yang ingin dicapai oleh sistem perundangan tersebut.

Dasar Dan Implikasi Pembaharuan Undang-Undang

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil mengiktiraf kewujudan remedi dalam kes pemungkiran janji pertunangan, namun pelaksanaannya masih tertumpu kepada pemulangan kerugian material yang dapat dibuktikan secara objektif. Kedadaan ini memperlihatkan bahawa jurang utama bukan terletak pada ketiadaan remedi, tetapi pada keterbatasan skop perlindungan yang diberikan kepada pihak yang mengalami kemudaratan. Sehubungan itu, beberapa implikasi dasar dan pembaharuan perundangan dicadangkan bagi memperkukuh keberkesanan remedi tanpa menjejaskan prinsip kepastian undang-undang (*legal certainty*) atau memperluaskan liabiliti secara tidak terkawal (Mohd et al., 2024).

Pertama, terdapat keperluan untuk memperjelas skop remedi dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri melalui peruntukan yang lebih khusus mengenai tuntutan akibat pemungkiran janji pertunangan. Walaupun kebanyakan enakmen mengiktiraf hak untuk menuntut pemulangan pemberian atau kerugian tertentu, ketiadaan garis panduan statutori mengenai bentuk kerugian yang boleh dituntut menyebabkan tafsiran mahkamah bergantung kepada fakta setiap kes. Penjelasan statutori yang menetapkan kategori perbelanjaan munasabah seperti kos persediaan perkahwinan, hadiah bersyarat dan pembayaran kepada pihak ketiga akan meningkatkan konsistensi penghakiman, mengurangkan ketidakpastian undang-undang serta memperkukuh akses kepada keadilan.

Kedua, dapatan kajian mencadangkan keperluan membangunkan garis panduan kehakiman (*judicial guidelines*) bagi membantu hakim menilai tuntutan secara lebih konsisten. Garis panduan tersebut tidak bertujuan mewujudkan kategori pampasan baharu yang bersifat spekulatif, tetapi menyediakan prinsip

penilaian yang lebih seragam terhadap pembuktian kerugian, hubungan kausal (*causation*) dan tahap kemunasabahan tuntutan. Pendekatan sedemikian selaras dengan amalan pembangunan garis panduan kehakiman dalam beberapa bidang undang-undang lain bagi mengurangkan ketidakconsistenan keputusan dan meningkatkan kebolehhajangan (*predictability*) sistem kehakiman (Mohd et al., 2024).

Ketiga, dari perspektif tadbir urus institusi, dapatan kajian memperlihatkan bahawa pemisahan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil kadangkala mewujudkan fragmentasi normatif dalam pendekatan terhadap remedi. Walaupun kedua-dua institusi mempunyai bidang kuasa yang berbeza dan perlu dihormati menurut kerangka Perlembagaan Persekutuan, penyelarasan melalui amalan terbaik (*best practices*), latihan kehakiman bersama atau penerbitan garis panduan institusi dapat meningkatkan koherensi tanpa menjejaskan autonomi bidang kuasa masing-masing. Cadangan ini sejajar dengan keperluan memperkukuh keharmonian antara sistem dwi-kehakiman yang sering dibincangkan dalam literatur undang-undang Islam di Malaysia (Mohd et al., 2024).

Keempat, kajian ini turut menunjukkan bahawa sebahagian besar pertikaian berkaitan pemungkiran janji pertunangan melibatkan hubungan kekeluargaan yang masih berpotensi dipulihkan. Oleh itu, mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif seperti mediasi wajar diperkasakan sebagai pendekatan utama sebelum litigasi. Berbeza dengan proses adversarial yang memberi tumpuan kepada penentuan liabiliti, mediasi membolehkan penyelesaian yang lebih fleksibel dengan mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak, hubungan kekeluargaan, sensitiviti reputasi dan keharmonian sosial. Pendekatan ini selaras dengan objektif *maqasid al-shariah* yang mengutamakan *islah* (pendamaian), pencegahan kemudaratan (*dar' al-mafasid*) dan pemeliharaan hubungan sosial.

Lebih penting lagi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembaharuan yang diperlukan bukan sekadar berbentuk pindaan statut atau penambahbaikan prosedur, tetapi melibatkan perubahan orientasi konseptual terhadap remedi itu sendiri. Selagi pemungkiran janji pertunangan dinilai semata-mata melalui paradigma kontrak komersial atau restitusi material yang sempit, objektif keadilan substantif sukar dicapai kerana bentuk kemudaratan yang dialami lazimnya melangkaui kerugian ekonomi. Dalam konteks masyarakat Muslim, implikasi terhadap maruah (*hifz al-'ird*), kesejahteraan psikososial dan kedudukan sosial merupakan sebahagian daripada kemaslahatan yang turut diberi perhatian oleh *maqasid al-shariah*. Oleh itu, penilaian keberkesanan remedi sewajarnya berkembang daripada pendekatan yang hanya menilai apa yang hilang secara material kepada pendekatan yang turut mempertimbangkan apa yang perlu dipulihkan demi mencapai keadilan substantif. Pendekatan ini tidak bertujuan menghidupkan semula tindakan klasik *breach of promise to marry*, tetapi mengimbangi kepastian undang-undang dengan perlindungan yang lebih bermakna terhadap pihak yang benar-benar mengalami kemudaratan.

Pada peringkat dasar awam, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa Pemungkiran Janji Pertunangan tidak seharusnya dilihat sebagai pertikaian persendirian antara dua individu semata-mata. Sebaliknya, fenomena ini mempunyai implikasi yang lebih luas terhadap tadbir urus institusi kehakiman, perlindungan pengguna dalam industri perkahwinan, kesejahteraan keluarga dan keyakinan masyarakat terhadap sistem keadilan. Oleh itu, perbincangan mengenai remedi pertunangan perlu diposisikan sebagai sebahagian daripada agenda pembaharuan undang-undang keluarga Islam yang menyeimbangkan kepastian undang-undang, perlindungan hak dan pencapaian keadilan substantif. Dalam konteks ini, sumbangan utama artikel ini bukan sekadar membandingkan remedi di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, tetapi mengemukakan suatu kerangka penilaian yang mengintegrasikan *maqasid al-shariah*, keadilan substantif dan teori perbandingan undang-undang sebagai asas pembaharuan remedi dalam sistem dwi-kehakiman Malaysia.

Pengukuhan Tadbir Urus Kehakiman dan Koherensi Dwi-Sistem

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketidakkonsistenan dalam penentuan remedi bagi kes pemungkiran janji pertunangan bukan sahaja memberi kesan kepada pihak yang bertikai, malah turut mempengaruhi tadbir urus kehakiman dalam sistem dwi-kehakiman Malaysia. Ketiadaan garis panduan yang jelas mengenai skop kerugian yang boleh dituntut dan kaedah penilaiannya berpotensi menghasilkan keputusan yang berbeza bagi fakta yang hampir serupa, sekali gus menjejaskan prinsip kesamarataan dan kebolehhajkaan dalam pentadbiran keadilan. Dalam konteks ini, pembangunan garis panduan kehakiman dan penjelasan statutori bukan sekadar penambahbaikan prosedural, tetapi merupakan mekanisme penting untuk memperkukuh ketelusan, konsistensi dan akauntabiliti institusi kehakiman (Mohd et al., 2024).

Dari perspektif dasar awam, pembaharuan tersebut juga berpotensi meningkatkan koherensi antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tanpa menjejaskan pembahagian bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Walaupun kedua-dua mahkamah beroperasi dalam kerangka perundangan yang berbeza, dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-duanya berkongsi objektif yang sama, iaitu memberikan remedi terhadap kerugian yang timbul akibat pemungkiran janji pertunangan. Oleh itu, penyelarasan melalui garis panduan institusi, latihan kehakiman dan perkongsian amalan terbaik (*best practices*) dapat mengurangkan fragmentasi normatif serta memperkukuh koherensi dalam pelaksanaan remedi tanpa menjejaskan autonomi setiap sistem.

Lebih penting lagi, dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem dwi-kehakiman Malaysia mempunyai potensi untuk membangunkan suatu pendekatan yang berbeza daripada model *Common Law* yang memansuhkan tindakan *breach of promise to marry* mahupun model pampasan yang lebih luas dalam sesetengah sistem perundangan sivil. Keunikan Malaysia terletak pada keupayaannya mengintegrasikan prinsip *maqasid al-shariah*, khususnya *hifz al-mal* dan *hifz al-'ird*, dengan prinsip kepastian undang-undang (legal certainty) dan keadilan kontraktual moden. Sekiranya pembangunan remedi dilakukan secara lebih sistematik dan berasaskan bukti empirikal, Malaysia berpotensi menawarkan suatu kerangka rujukan yang lebih seimbang bagi negara-negara yang mengamalkan sistem perundangan plural, khususnya dalam bidang undang-undang keluarga Islam (Mohd et al., 2024).

Akhirnya, sumbangan utama kajian ini bukan sekadar mencadangkan pembaharuan terhadap mekanisme remedi, tetapi memperlihatkan bahawa pengukuhan tadbir urus kehakiman memerlukan penyelarasan antara dimensi normatif, institusional dan praktikal. Dalam konteks ini, keberkesanan remedi tidak seharusnya diukur hanya berdasarkan kewujudan saluran tuntutan, tetapi juga berdasarkan keupayaannya menghasilkan keputusan yang konsisten, telus dan responsif terhadap realiti sosial, selaras dengan objektif *maqasid al-shariah* dan prinsip keadilan substantif. Pendekatan ini mengalihkan perbincangan daripada persoalan "adakah remedi wujud?" kepada persoalan yang lebih fundamental, iaitu "adakah remedi yang wujud benar-benar merealisasikan keadilan yang hendak dicapai oleh undang-undang?"

Dimensi Industri Perkahwinan dan Kos Sosial Tersembunyi

Pemungkiran janji pertunangan bukan sahaja menimbulkan implikasi perundangan terhadap pihak yang bertunang, malah turut memberi kesan kepada ekosistem ekonomi yang menyokong industri perkahwinan di Malaysia. Perkahwinan dalam masyarakat Melayu-Islam lazimnya melibatkan komitmen kewangan yang dibuat jauh sebelum akad nikah, termasuk tempahan dewan, catering, fotografi, busana, pelamin, hantaran dan pelbagai perkhidmatan profesional yang lazimnya memerlukan

bayaran deposit atau pembayaran pendahuluan. Peningkatan kos perkahwinan serta komersialisasi industri ini menjadikan pembatalan pertunangan berpotensi mengakibatkan kerugian kewangan yang bukan sahaja ditanggung oleh pasangan dan keluarga mereka, bahkan turut memberi kesan kepada penyedia perkhidmatan yang telah membuat komitmen sumber dan operasi.

Dapatan empirikal daripada fail kes Kes 2408-L0102-141-118 turut menyokong penemuan ini. Analisis terhadap fail kes menunjukkan bahawa pihak plaintif telah mengeluarkan perbelanjaan yang meliputi tempahan dewan, katering, hantaran, pakaian pengantin, jurugambar dan pelbagai persiapan perkahwinan sebelum akad nikah dilangsungkan. Walaupun sebahagian perbelanjaan tersebut berjaya dibuktikan melalui resit dan dokumen sokongan, hanya kerugian yang dapat dibuktikan secara langsung diberi pertimbangan oleh mahkamah. Dapatan ini mengukuhkan bahawa pelaksanaan remedi dalam amalan masih berorientasikan kerugian material yang boleh dibuktikan, selaras dengan penemuan kajian ini mengenai keterbatasan perlindungan terhadap kerugian bukan material.

Jadual 3

Kos Perbelanjaan Majlis Pertunangan

Katering	RM 5738.03
Pelamin & Pengangkutan	RM 600.00
Baju	RM 109.00
Jurusolek	RM 250.00
Jumlah	RM 6697.03

Sumber: Mahkamah Syariah Negeri Kedah

Jadual 4

Kos Perbelanjaan Persediaan Perkahwinan

Katering	RM 12850.00
Pelamin	RM 2340.00
Baju	RM 1391.99
Jurusolek	RM 350.00
Kad Jemputan	RM 173.00
Cincin Kahwin	RM 717.00
Vendor	RM 1940.00
Papan Selamat Datang	RM 106.00
Jurufotografi	RM1890.00
Hantaran	RM 1714.26
Cenderamata	RM 1026.33
DJ	RM 600.00
Hotel	RM 1050.00
Barangan Runcit	RM187.40
JUMLAH	RM 26335.98

Sumber: Mahkamah Syariah Negeri Kedah

Dapatan ini turut dibuktikan melalui fail kes Mahkamah Syariah Negeri Kedah apabila jumlah kerugian yang dituntut mencecah RM33,033.01, melibatkan pelbagai komitmen kewangan yang telah dibuat

sebelum akad nikah. Penemuan ini menunjukkan bahawa implikasi Pemungkiran Janji Pertunangan tidak lagi terhad kepada pemulangan cincin atau hadiah pertunangan, sebaliknya melibatkan keseluruhan ekosistem ekonomi persediaan perkahwinan yang semakin kompleks dan berorientasikan kontrak komersial.

Pengkaji mendapati bahawa remedi yang tersedia dalam kedua-dua sistem kehakiman masih tertumpu kepada kerugian material yang dapat dibuktikan secara langsung, sedangkan kesan ekonomi sebenar sering melangkaui skop tersebut. Dalam amalan, pembatalan pertunangan boleh menyebabkan kehilangan deposit, pembatalan kontrak komersial, kos peluang serta perbelanjaan persediaan yang tidak dapat dipulihkan sepenuhnya. Walaupun sebahagian kerugian tersebut mungkin boleh dituntut melalui prinsip kontrak atau restitusi, ketiadaan garis panduan yang jelas mengenai skop pampasan mewujudkan ketidakpastian undang-undang kepada pihak-pihak yang terlibat, termasuk penyedia perkhidmatan dalam industri perkahwinan.

Dari perspektif ekonomi institusi, ketidakpastian terhadap mekanisme remedi meningkatkan kos transaksi kerana pihak-pihak terdorong untuk mengurangkan risiko melalui syarat kontrak yang lebih ketat, kadar deposit yang lebih tinggi atau klausa penalti yang lebih kompleks. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh mengurangkan kecekapan pasaran dan memindahkan sebahagian besar risiko ekonomi kepada pengguna, khususnya keluarga yang telah membuat komitmen kewangan lebih awal. Fenomena ini menunjukkan bahawa Pemungkiran Janji Pertunangan bukan lagi sekadar pertikaian persendirian, tetapi turut melibatkan dimensi tadbir urus kontraktual dalam industri perkahwinan yang semakin berkembang.

Sehubungan itu, pembangunan garis panduan kehakiman yang lebih jelas, penyeragaman prinsip pampasan serta pengukuhan mekanisme mediasi berpotensi meningkatkan kepastian undang-undang dan mengurangkan kos penyelesaian pertikaian. Langkah tersebut bukan sahaja dapat memperkukuh perlindungan terhadap pihak yang mengalami kerugian sebenar, malah menyumbang kepada kestabilan ekosistem industri perkahwinan melalui pengagihan risiko yang lebih adil, telus dan selaras dengan prinsip keadilan substantif serta objektif *maqasid al-shariah*. Dalam konteks ini, pembaharuan remedi tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai isu pampasan individu, tetapi sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh tadbir urus ekonomi dan sosial dalam sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia.

Maruah, Stigma dan Ketidakseimbangan Struktur Sosial

Dari sudut sosial, pemungkiran janji pertunangan mempunyai implikasi reputasi dan psikososial yang nyata dalam masyarakat Malaysia yang masih menitikberatkan norma kekeluargaan dan komuniti. Walaupun tidak semua kes membawa stigma, struktur sosial tertentu boleh menyebabkan tekanan yang tidak seimbang terhadap pihak yang dianggap “ditinggalkan”. Tanpa membuat dakwaan empirikal menyeluruh, dapat diujahkan bahawa struktur budaya dan adat setempat berpotensi menghasilkan kesan reputasi yang lebih berat terhadap wanita.

Keterhadan remedi yang hanya mengiktiraf kerugian material menimbulkan persoalan sama ada sistem undang-undang benar-benar responsif terhadap realiti sosial ini. Pengiktirafan terhadap kerugian bukan kewangan dalam keadaan luar biasa bukanlah usaha untuk “mengkomersialkan” maruah, tetapi suatu pengakuan bahawa kemudaratatan sosial boleh berlaku dan memerlukan respons institusional yang seimbang.

Selain itu, integrasi mediasi yang lebih sistematik boleh membantu mengurangkan konflik berpanjangan antara keluarga, mengelakkan pendedahan memalukan dalam perbicaraan terbuka, dan memulihkan hubungan sosial secara lebih konstruktif. Ini selari dengan prinsip keadilan restoratif dan maqasid al-shariah yang menekankan pencegahan kemudaratan serta pemulihan keseimbangan sosial.

Isu Peribadi ke Reformasi Struktural

Dapatan kajian menunjukkan bahawa implikasi Pemungkiran Janji Pertunangan tidak terhad kepada kerugian kewangan semata-mata, malah turut melibatkan dimensi maruah, reputasi dan kesejahteraan psikososial pihak yang terlibat. Penemuan ini disokong oleh analisis terhadap fail kes 2408-L0102-141-118 yang menunjukkan bahawa selain menanggung kerugian kewangan yang besar akibat persiapan perkahwinan, plaintif turut memberikan keterangan mengenai tekanan emosi yang serius, termasuk perasaan malu yang mendalam, trauma, kemurungan, kehilangan pekerjaan serta keengganan untuk berhadapan dengan masyarakat selepas majlis perkahwinan dibatalkan secara mengejut. Semasa prosiding, plaintif menerangkan bahawa pembatalan majlis perkahwinan pada saat akhir telah menyebabkan beliau dan keluarganya **"terpaksa menanggung malu yang amat sangat"**. Selain mengalami kerugian kewangan yang besar, plaintif turut memberi keterangan bahawa beliau mengalami tekanan emosi yang berpanjangan, termasuk trauma dan kemurungan, sehingga **"maruah saya tercalar teruk sehingga menyebabkan saya terpaksa berhenti kerja"**. Dapatan empirikal ini mengukuhkan hujah bahawa kesan pemungkiran janji pertunangan melangkaui kerugian kewangan yang lazimnya diiktiraf oleh mahkamah. Walaupun remedi sedia ada memberi penekanan kepada kerugian material yang dapat dibuktikan, keterangan plaintif menunjukkan bahawa bentuk kemudaratan yang dialami adalah lebih kompleks, melibatkan maruah, kesejahteraan psikologi dan kedudukan sosial. Jurang antara kemudaratan sebenar dengan skop remedi yang diiktiraf inilah yang menyokong penghujahan kajian mengenai keterbatasan keadilan substantif dalam sistem perundangan semasa. Walaupun remedi yang diperuntukkan oleh Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil memberi tumpuan kepada kerugian material yang dapat dibuktikan, realiti sosial menunjukkan bahawa pembatalan pertunangan sering membawa kesan yang lebih kompleks, khususnya dalam masyarakat Melayu-Islam yang masih mengekalkan nilai kekeluargaan, penghormatan sosial dan penglibatan komuniti dalam institusi perkahwinan (Mohd et al., 2024). Penemuan ini memperlihatkan bahawa kerugian akibat Pemungkiran Janji Pertunangan bersifat multidimensi, melibatkan kehilangan ekonomi, kesejahteraan psikologi dan kedudukan sosial secara serentak. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kecil daripada kemudaratan tersebut diterjemahkan kepada bentuk remedi yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah. Jurang antara kemudaratan sebenar yang dialami dengan remedi yang diiktiraf inilah yang menjadi asas kepada penghujahan kajian mengenai keterbatasan keadilan substantif dalam sistem perundangan semasa.

Literatur mengenai hak wanita di bawah undang-undang Islam turut menegaskan bahawa perlindungan terhadap maruah (*hifz al-'ird*) merupakan antara objektif penting *maqasid al-shariah* yang tidak boleh dipisahkan daripada pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dan kesejahteraan individu. Oleh itu, kemudaratan yang dialami akibat Pemungkiran Janji Pertunangan tidak seharusnya dinilai semata-mata berdasarkan kerugian ekonomi, tetapi turut mengambil kira implikasi terhadap maruah, kedudukan sosial dan kesejahteraan pihak yang terkesan, selaras dengan prinsip keadilan substantif dalam undang-undang Islam (Auda, 2008; *Women's Rights under Islamic Law: Systematic Review of Published Literature in Scopus Database*, 2023).

Walaupun kajian ini tidak bertujuan membuat generalisasi bahawa semua wanita mengalami stigma sosial akibat Pemungkiran Janji Pertunangan, dapatan kajian bersama literatur menunjukkan bahawa

struktur sosial tertentu masih berpotensi meletakkan beban reputasi yang lebih besar terhadap wanita berbanding lelaki. Dalam konteks masyarakat yang masih mengaitkan status perkahwinan dengan kedudukan sosial seseorang wanita, pembatalan pertunangan boleh menimbulkan tekanan emosi, gangguan psikologi serta persepsi negatif dalam komuniti, walaupun kesan tersebut sukar diterjemahkan kepada bentuk kerugian yang boleh diukur melalui mekanisme undang-undang sedia ada.

Kedadaan ini menjelaskan bahawa keterhadan remedi yang hanya mengiktiraf kerugian material menimbulkan persoalan sama ada sistem perundangan semasa benar-benar mencapai keadilan substantif sebagaimana yang dikehendaki oleh *maqasid al-shariah*. Pengiktirafan terhadap dimensi bukan kewangan bukanlah bertujuan mengkomersialkan maruah atau menjadikan tekanan emosi sebagai asas pampasan yang tidak terbatas. Sebaliknya, ia merupakan pengiktirafan bahawa kemudaratan sosial dan psikososial boleh berlaku dalam keadaan tertentu dan wajar dipertimbangkan dalam proses penilaian remedi secara lebih kontekstual dan seimbang (Mohd et al., 2024).

Sehubungan itu, dapatan kajian turut menyokong keperluan memperkukuh mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif, khususnya mediasi, dalam kes-kes Pemungkiran Janji Pertunangan. Pendekatan ini berpotensi mengurangkan konflik berpanjangan antara keluarga, mengelakkan pendedahan fakta sensitif melalui prosiding terbuka serta memelihara hubungan sosial selepas pertikaian diselesaikan. Pendekatan sedemikian bukan sahaja selari dengan prinsip keadilan restoratif, malah menepati objektif *maqasid al-shariah* yang menekankan pencegahan kemudaratan (*dar' al-mafasid*) dan pemulihan keharmonian sosial sebagai sebahagian daripada fungsi undang-undang Islam.

KESIMPULAN

Kajian ini bermula dengan persoalan asas: adakah kewujudan remedi terhadap pemungkiran janji pertunangan benar-benar menjamin keadilan substantif dalam sistem dwi-kehakiman Malaysia? Dapatan menunjukkan bahawa walaupun kerangka perundangan menyediakan ruang tuntutan, struktur remedi yang tersedia masih terhad dari sudut konseptual dan operasional. Undang-undang berfungsi, tetapi berfungsi secara minimal. Keadilan formal dicapai melalui kewujudan mekanisme litigasi; namun keadilan substantif masih belum direalisasikan sepenuhnya.

Analisis terhadap Mahkamah Syariah memperlihatkan bahawa remedi tertumpu kepada pemulangan manfaat material yang dapat dibuktikan. Pendekatan ini konsisten dengan tradisi restitusi dalam fiqh, tetapi belum sepenuhnya mengoperasionalisasikan objektif *maqasid al-shariah* yang menekankan pemeliharaan maruah dan pencegahan kemudaratan sosial. Dalam Mahkamah Sivil pula, pergantungan kepada doktrin kontrak tradisional menempatkan pertunangan dalam kerangka niat dan kebolehtuakuasaan yang tidak sepenuhnya serasi dengan sifat hubungan pra-perkahwinan yang unik. Hasilnya ialah situasi di mana pemungkiran janji diiktiraf sebagai isu, tetapi tidak ditangani melalui mekanisme remedi yang komprehensif.

Keseluruhan dapatan ini mencerminkan satu paradoks perundangan. Malaysia sebagai sebuah negara yang menggabungkan tradisi *common law* dan sistem Syariah, mempunyai potensi untuk membangunkan model hibrid yang lebih responsif terhadap realiti sosial Muslim. Namun secara praktiknya, pendekatan yang diambil masih cenderung kepada minimalisme doktrinal. Dalam spektrum global, England telah memansuhkan tindakan *breach of promise to marry*, menegaskan autonomi individu sebagai nilai utama. Malaysia tidak mengambil pendekatan pemansuhan, tetapi struktur remedi

sedia ada menunjukkan kecenderungan yang hampir serupa dalam menghadkan liabiliti kepada kerugian material. Ini menimbulkan persoalan strategik tentang hala tuju pembaharuan undang-undang keluarga Islam dalam konteks kontemporari.

Kesimpulan utama kajian ini bukanlah bahawa undang-undang sedia ada gagal sepenuhnya, tetapi bahawa ia belum mencapai tahap koherensi normatif yang optimum. Jurang antara norma maqasid dan pelaksanaan institusional menunjukkan bahawa pembaharuan tidak semestinya memerlukan penciptaan kategori liabiliti baharu secara radikal, tetapi memerlukan penstrukturan semula orientasi remedi agar lebih selari dengan keadilan substantif. Reformasi yang dicadangkan sama ada melalui penjelasan statutori, garis panduan kehakiman atau pengukuhan mekanisme alternatif penyelesaian pertikaian bertujuan memastikan bahawa sistem perundangan bukan sahaja mengiktiraf kemudharatan, tetapi juga bertindak balas terhadapnya secara adil dan konsisten.

Secara lebih luas, kajian ini menyeru kepada pemikiran semula tentang bagaimana undang-undang harus berfungsi dalam mengimbangi autonomi individu dengan tanggungjawab sosial dalam masyarakat yang masih menilai pertunangan sebagai komitmen yang signifikan. Dalam era perubahan sosial yang pesat, di mana hubungan pra-perkahwinan semakin terbuka dan kos sosial pertunangan semakin kompleks, sistem perundangan tidak boleh kekal statik. Jika *maqasid al-shariah* menuntut pemeliharaan maruah dan pencegahan kemudharatan, maka kerangka remedi juga perlu berkembang bagi mencerminkan tuntutan tersebut.

Oleh itu, Pemungkiran Janji Pertunangan bukan sekadar isu kecil dalam undang-undang keluarga, tetapi satu tapak analisis penting untuk menilai keupayaan sistem dwi-kehakiman Malaysia dalam merealisasikan keadilan substantif. Masa depan pembaharuan terletak bukan pada pengembangan liabiliti secara tidak terkawal, tetapi pada pembangunan model remedi yang lebih koheren, responsif dan selaras dengan prinsip normatif yang menjadi asas sistem itu sendiri.

Artikel ini menyumbang kepada literatur dalam tiga dimensi utama, dari sudut teori undang-undang Islam, kajian ini mengoperasionalisasikan *maqasid al-shariah* sebagai alat analisis evaluatif terhadap struktur remedi moden. Berbeza dengan pendekatan deskriptif yang lazim dalam literatur pertunangan, artikel ini memetakan secara langsung prinsip pemeliharaan maruah dan pencegahan kemudharatan kepada analisis institusional Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Dengan cara ini, maqasid tidak lagi berfungsi sebagai wacana normatif abstrak, tetapi sebagai kerangka kritikal untuk menilai keberkesanan undang-undang positif.

Kedua, dari sudut teori perbandingan institusi, artikel ini menawarkan analisis intra-bidang kuasa terhadap sistem dwi-kehakiman Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa dualisme perundangan tidak semestinya menghasilkan perlindungan yang lebih luas; sebaliknya, ia boleh mewujudkan fragmentasi normatif apabila kedua-dua sistem beroperasi dalam paradigma yang berbeza tetapi menghasilkan batasan yang hampir serupa. Sumbangan ini memperluas perbincangan dalam perbandingan undang-undang dengan menekankan perbandingan dalaman dalam satu negara yang menggabungkan dua tradisi undang-undang.

Ketiga, artikel ini menyumbang kepada teori keadilan substantif dalam undang-undang keluarga dengan membezakan antara kewujudan remedi dan keberkesanan remedi. Dengan menunjukkan bahawa pengiktirafan formal terhadap tuntutan tidak semestinya menghasilkan perlindungan substantif, kajian ini mengajak kepada peralihan daripada analisis tekstual kepada analisis operasional dalam menilai keadilan.

Secara keseluruhannya, artikel ini membangunkan satu model analisis integratif yang menggabungkan teori maqasid, doktrin kontrak dan perbandingan institusional dalam menilai pemungkiran janji pertunangan. Model ini berpotensi diaplikasikan kepada isu-isu lain dalam undang-undang keluarga Islam yang terletak di persimpangan norma agama dan struktur kehakiman moden. Dengan demikian, sumbangan teori kajian ini melangkaui isu pertunangan semata-mata dan menawarkan kerangka yang lebih luas untuk memahami dinamika keadilan dalam sistem perundangan hibrid.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia atas bimbingan, tunjuk ajar, dan sokongan akademik yang tidak ternilai sepanjang penyediaan kajian ini. Penulis juga menghargai bantuan, pandangan, dan dorongan daripada rakan-rakan serta pihak institusi yang telah memudahkan proses penyelidikan.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Akta Kontrak 1950 (Akta 136). Laws of Malaysia.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- Albattat, A., Joseph, T. A., & Mazlan, A. A. (2022). The impact of modernization on Malay weddings. *In Event Tourism in Asian Countries* (pp. 87–96). Apple Academic Press.
- Al-Sarakhsi, S. (2003). *Al-mabsut* (Vols. 1–30). Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (2004). *Al-fiqh al-Islami wa adillatuh*. Dar al-Fikr.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al Shari'ah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. International Institute of Islamic Thought.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Halili, F. & Riza, A. (2016). The betrothal and marriage - According to Islamic Law (Shariah) and under the secular system. October 15. Available at SSRN: <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.2852815>

- Harian Metro. (2025, Oktober 1). *Lelaki pukul, ugut bekas tunang direman 4 hari*.
- Ibn Qudamah, M. (2002). *Al-Mughni*. Dar 'Alam al-Kutub.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oxford University Press.
- Mohd, A., Kadir, N., & Hj Ibrahim, B. (2024). Betrothal and general damages for humiliation: An appraisal on harmonisation of Shari'ah and civil law. *IIUM Law Journal*, 32(2), 87–117. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v32i2.993>.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Peetz, J., & Kammrath, L. (2011). Only because I love you: Why people make and why they break promises in romantic relationships. *Journal of Personality and Social Psychology*, 100 (5), 887-904. <https://doi.org/10.1037/a0021857>
- Rokach, A., Chan, S.H. (2023). Love and infidelity: Causes and consequences. *Int. J. Environ. Res. Public Health*, 20, 3904. 1-19. <https://doi.org/10.3390/ijerph20053904>
- Shak, B., & Ab Aziz, S. B. (2022). A historical exposition on the fundamental features of the Federal Constitution and its importance to judicial interpretation: a study on Article 121 (1A). *IIUMLJ*, 30, 226.
- Tajuddin, N.M. & Gunardi, S. (2024). Breach of betrothal in Malaysia: a comparative study between Syariah and civil law. *Jurnal Syari'ah & Hukum*, 6 (1), 91-110.
- Yan, C. M., Yin, C. N. C. & Qing, C. C. Y. (2024). Exploring the modern malaysian marriage: understanding the relationship of gender role attitudes, attitudes toward childbearing, family functioning and attitudes toward marriage among young adults in Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 38 (2) (2024): 90-106. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0238162>.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications.